


Newspaper	Berita Harian
Date	26 September 2015



Najib menyampaikan sumbangan kepada Pengarah Pusat Kebudayaan Islam New York, Abdul Razzaq E Al Amiri, selepas menghunai solat sunat Aidiladha, kelmarin.

BH-26/9/2015

Najib kutuk keras gejala Islamofobia

» Kaitkan keganasan dengan Islam dianggap diskriminasi melampau

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak mengutuk keras gejala Islamofobia yang mengaitkan Islam dengan keganasan walhal ia dilakukan oleh ramai lagi golongan yang bukan beragama Islam.

Sambil menyifatkan ia se-

bagai satu bentuk penindasan dan diskriminasi yang melampau, Perdana Menteri, merujuk kepada satu insiden minggu lalu di mana seorang pelajar lelaki berumur 14 tahun bernama Ahmed Mohamed ditahan polis Amerika Syarikat kerana menyangka jam yang diciptanya sebagai bom.

"Jam terbabit disalah sangka sebagai bahan letupan hanya kerana beliau seorang Muslim. Inilah yang dipanggil Islamo-

fobia iaitu perbuatan yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan.

Kekejaman terhadap negara Islam

"Peperangan yang mengorbankan nyawa beratus ribu orang di Iraq, adalah satu bentuk keganasan. Kekejaman Israel ke atas Palestin juga satu bentuk keganasan, malah ia lebih besar skalanya dan sudah berdekad lamanya penindasan mereka ini.

"Penggunaan bom nuklear dan bom kimia yang membunuh berjuta orang awam, jika digunakan, juga adalah satu keganasan. Mereka ini bukan beragama Islam, namun tidak pula dianggap sebagai penggan **ALS**," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik di laman sesawang NajibRazak.com, semalam,

Dalam kejadian minggu lalu, Ahmed yang belajar di Sekolah Tinggi MacArthur di Irvine, Texas ditahan selepas dia menggunakan papan litur dan wayar lama untuk mencipta jam digital serta membawanya ke sekolah untuk ditunjukkan kepada guru kejuruteraannya.

Bagaimanapun, seorang guru bahasahiggeris menyangka jam itu bom apabila mendengar ia berbunyi dan memaklumkan kepada pengetua yang menelefon polis, sekali gus menyebabkan Ahmed ditahan serta digari sebelum dibawa ke pusat tahanan juvena.

Hakikatnya, kata Najib, keganasan adalah krisis kemanusiaan yang membabitkan Semua tanpa mengira agama.

"Kita sebagai umat manusia perlu bersatu melindungi sesama kita tanpa mengira agama, daripada puak penindas dan pendiskriminasi agama kerana mereka ini sebenarnya yang bermasalah, bukannya orang Islam," tegas beliau.